

## Ucapan Terakhir Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

(Telah bersara pada 18 September 2009)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera,

Yg. Bhg. Dato' Mohd Salleh bin Mahmud,  
Akauntan Negara Malaysia

Yg. Bhg. Dato' Jamaluddin bin Abu Samah,  
Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

Pengarah-pengarah Bahagian,

Ketua-ketua Akauntan JMS,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

Salam dan selawat ke atas junjungan nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga dan para sahabat baginda.

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan setinggi rasa penghargaan dan terharu di atas kelapangan Yg. Bhg. Dato'- dato', tuan-tuan dan puan-puan bersama-sama petang ini dalam majlis penyerahan nota tugas saya.

Selepas menyampaikan ucapan terakhir saya dalam perhimpunan bulanan 2 September lepas, saya merasa amat lega kerana menyangkan saya sudah tidak perlu berucap lagi. Bagaimana pun, saya akan cuba berkongsi beberapa mutiara peninggalan alim yang saya temui sebagai hadiah perpisahan saya untuk semua yang sudi menerimanya.

Pantai Mersing Kuala Johor

Pantainya bersih sangat masyhur

Pohonkan doa, kita bersyukur

Negara kita, aman dan makmur

Dato' - dato', tuan-tuan dan puan-puan,

Suatu hari, semasa Imam Al Ghazali berkumpul dengan murid-muridnya, lalu Imam Al Ghazali bertanyakan 6 soalan:

Pertama

"Apakah yang paling dekat atau rapat dengan diri kita di dunia ini?" Murid-muridnya ada yang menjawab "Ibu bapa atau guru atau kawan dan sahabat"

Imam Al Ghazali menjelaskan semua jawapan adalah benar. Tetapi yang paling dekat atau rapat dengan kita adalah MATI; sebab itu sememangnya janji Allah SWT bahawa setiap yang bernyawa pasti akan mati (Surat Al Imran ayat 185). Oleh itu, berlumba-lumbalah kita membuat persiapan untuk kembali menemui pencipta kita bila-bila masa sahaja.

Kedua

"Apa yang paling jauh dari kita di dunia ini?" Murid-murid beliau ada yang menjawab "Negara China atau bulan atau matahari atau bintang-bintang".

Lalu Imam Al Ghazali menjelaskan bahawa semua jawapan yang mereka berikan adalah benar. Tapi yang paling benar adalah MASA LALU. Walau dengan apa cara jua pun, kita tidak dapat kembali ke masa yang lalu. Oleh sebab itu, kita harus menjaga hari ini dan hari-hari yang akan datang dengan perbuatan yang sesuai dengan ajaran agama.

Ketiga

"Apa yang paling besar di dunia ini?" Murid-muridnya menjawab "Gunung atau bumi atau matahari".

Semua jawapan itu benar kata Imam Al Ghazali. Tapi yang paling besar dari yang ada di dunia ini adalah NAFSU (Surat Al A'raf Ayat 179). Sebenarnya anugerah nafsu kepada manusia lah yang membezakan manusia dari malaikat. Maka kita harus berhati-hati dengan anugerah tersebut, menggunakan sebaik-baiknya bersama akal untuk menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah dimuka bumi. Semoga nafsu mutmainnah yang sentiasa mendampingi kita membawa ke jalan yang diredhaiNya serta mendapat keberkatan Nya.

Keempat

"Apa yang paling berat di dunia?" Ada jawapan yang diberikan ialah besi dan gajah.

Semua jawapan adalah benar, kata Imam Al Ghazali, tetapi yang paling berat adalah MEMEGANG AMANAH (Surat Al Ahzab ayat 72). Langit termasuk malaikat dan bumi serta gunung ganang semua tidak mampu ketika Allah SWT meminta mereka untuk menjadi khalifah atau pemimpin di dunia ini. Hanya manusia yang menyanggupi permintaan Allah SWT, sehingga ramai dari manusia masuk ke neraka kerana ia tidak dapat menyempurnakan amanahnya.

Kelima

"Apa yang paling ringan di dunia ini?" Ada yang menjawab kapas, angin, debu dan daun-daunan.

Semua itu benar kata Imam Al Ghazali, tapi yang paling ringan di dunia ini ialah MENINGGALKAN SOLAT. Peringatan ini adalah untuk kita menginsafi bahawa solat ialah salah satu perintah Allah tapi ditinggalkan hanya kerana leka atau alasan yang longgar seperti leka membeli belah di bazar Ramadan atau pasar malam atau bersuka ria dalam sesuatu perayaan; lalu terlepas waktu solat.

Akhir sekali soalan Keenam

"Apakah yang paling tajam di dunia?" Murid Imam Al Ghazali serentak menjawab "Pedang" Benar kata Imam Al Ghazali, tapi yang paling tajam di dunia adalah LIDAH MANUSIA, kerana lidah, manusia selalunya menyakiti hati dan melukai perasaan saudaranya sendiri sama ada melalui umpat mengumpat atau ketika marah. Sebaliknya, marilah kita gunakan lidah untuk menyampaikan berita baik dan memberi nasihat ingat mengingatkan.

Orang tua patut disegani

Boleh mendapat ajar nasihat

Ular yang bisa, tidak begini

Bisa lagi, lidah yang jahat

Kayu bakar dibuat orang

Arang dibakar memanaskan diri

Jangan mudah, menyalahkan orang

Cermin muka, lihat sendiri

Sebagai penjawat awam adalah menjadi amanah kepada kita untuk bertanggungjawab sebagai fasilitator atau pemudahcara didalam pembangunan mencipta kekayaan dan kemajuan negara serta masalah setiap rakyat. Esok saya akan berada disebelah sana pagar sebagai seorang awam yang mengharapkan perkhidmatan awam yang dapat membantu bukan "hantu", yang mesra dan cekap bukan yang "memeras dan cemerkap".

Bapadati muatan sarek,  
Bangkuhulu sesudah tapan,  
Pacik pitaruah buhua arek,  
Umarak ijan dilupakan.

Ertinya:

Berpedati, muatan sarat,  
Bengkulu sesudah tapan,  
Pegang titipan erat-erat,  
Amanat jangan dilupakan.

Dato-Dato, tuan-tuan dan puan-puan,

Ramai orang menggali perigi  
Ambil buluh lalu diikat  
Ilmu dicari tak akan rugi  
Buat bekalan dunia akhirat

Di zaman sains dan teknologi yang berkembang amat pantas, kita penjawat awam perlu sentiasa berusaha meningkatkan ilmu dan pengetahuan, sekurang-kurangnya yang berkaitan dengan bidang tugas kita, agar perkhidmatan yang diberikan adalah melebihi jangkaan pelanggan. Penjawat awam tidak boleh terus selesa mengamalkan cara lama seperti mengisi borang mestilah menggunakan mesin taip atau membuat pengumuman kepada orang awam mengenai pelantikan jawatan atau mengenai wang deposit dan Wang Tak Dituntut melalui warta kerajaan yang tidak dibaca orang. Ayuh marilah dipermudahkan mana yang sukar, ditambahbaik mana yang kurang dengan kretiviti dan inovasi, barulah mampan excellent accounting @ your service.

6 persoalan Imam AlGhazali tersebut adalah untuk saya dan kita semua renungkan dan ambil iktibar sebelum berakhirnya Ramadhan Al Mubarak yang akan meninggalkan kita beberapa hari saja lagi. Semoga dapat memberi sedikit sebanyak munafaat kepada kita bersama.

Akhir sekali saya ucapkan setinggi terima kasih kepada Y. Bhg Dato' Mohd Salleh Mahmud, TAN(O), semua Pengarah Bahagian, tuan-tuan, puan-puan dan semua yang pernah saya berurusan, yang telah menjadikan seluruh perkhidmatan saya pengalaman yang bermakna dan berbaloi menanggungkan persaraan awal yang dirancang dahulu.

Lipat kain lipat baju  
Lipat kertas dalam puan  
Dari air menjadi batu  
Sedikit tak lupa budi tuan

Saya menyusun jari sepuluh memohon ampun dan maaf atas setiap salah dan khilaf sama ada perkataan dan perbuatan yang menyinggung perasaan Y. Bhg Dato-dato, tuan-tuan dan puan-puan.

Selamat melengkapkan Ramadhan dengan sebanyak amal lagi dan Selamat Aidilfitri dan semoga dapat kita bersama-sama menyambung lagi dengan puasa 6 di bulan Syawal nanti, InsyaAllah.

Poyokumbuah jalannyo luruih,  
Singgah sabanta di Piladang,  
Kok gantieng jan sampai putuih,  
Tinggakan juo salai banang

Ertinya:

Payakumbuh jalanya lurus,  
Singgah sebentar di Piladang,  
Kalau genting jangan sampai putus  
Tinggalkan juga selemba benang.

Wabillahitaufik walhidayah  
wasalamu'alaikum Warahmatullahi wabarakatuh.